

<http://www.ftsm.ukm.my/apjitm>

Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia

Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik

Vol. 8 No. 1, June 2019: 1 – 15

e-ISSN: 2289-2192

PERCEIVED EASE OF USE TOWARDS ACCEPTANCE ON FOCUSED EDUCATIONAL VIDEO SHARING SITE

SAZANAH MD ALI

AHMAD ZAMZURI MOHAMAD ALI

ABSTRACT

This study aimed to analyse psychological, social, technological and institutional factors in influencing perceived ease of use towards focused educational video sharing site. The acceptance factors were studied based on the technology acceptance model (TAM) constructs, namely perceived usefulness, perceived ease of use, attitude towards the use and behavioural intention. A series of learning software video tutorial in the form of screencast has been developed and uploaded to two forms of video sharing sites which were the focused educational video sharing site (LearnSoftware) and social media based video sharing site (YouTube) to be used in this study. A questionnaire has been used as an instrument to compare and analyse the level of students' acceptance towards both forms of video sharing site based on the original construct TAM developed. Quantitative research method was used and data were collected from 294 students of Multimedia studies (major and minor) from 5 Public Higher Learning Institutions. Significant difference found in terms of the attitude towards the use. From the multiple regression analysis conducted, it was found that psychological, and technological factors have a significant connection with the students' perceived ease of use towards focused educational video sharing sites, while social and institutional factors were not significant. In conclusion, the findings of this study can benefit the educational institutions, students and instructors as well as video sharing site developers in understanding students' behaviour on accepting and using the new technology introduced.

Keywords : Focused educational video sharing site, YouTube, TAM, New media

PENGARUH TANGGAPAN MUDAH GUNA DALAM PENERIMAAN TERHADAP LAMAN PERKONGSIAN VIDEO PENDIDIKAN BERFOKUS

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor psikologi, sosial, teknologi dan institusi dalam mempengaruhi tanggapan mudah guna pelajar terhadap laman perkongsian video pendidikan berfokus dalam melihat penerimaan dan penggunaan laman tersebut bagi tujuan pendidikan. Model Penerimaan Teknologi (TAM) digunakan sebagai model asas dalam kajian ini, serta model lanjutan dibina sesuai dengan keperluan kajian yang sedang dibangunkan. Beberapa siri video tutorial mempelajari perisian dalam bentuk *screencast* dibangunkan dan dimuatnaik ke laman perkongsian video pendidikan berfokus (LearnSoftware) yang dibangunkan bagi tujuan kajian ini. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan data dikumpulkan daripada 294 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian Multimedia (major dan minor) dari 5 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Melalui analisis regresi berganda yang dilakukan mendapati faktor psikologi dan teknologi adalah pengaruh utama tanggapan mudah guna pelajar terhadap laman perkongsian video pendidikan berfokus, manakala faktor sosial dan institusi tidak berpengaruh. Secara kesimpulan, dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak institusi pendidikan, pelajar dan tenaga pengajar serta pembangun laman perkongsian video dalam memahami tingkah laku pelajar terhadap menerima dan menggunakan teknologi baru yang diperkenalkan.

Kata kunci: Laman perkongsian video pendidikan, media baru, TAM

PENGENALAN

Sejajar dengan perkembangan teknologi media baru pada masa kini, kewujudan pelbagai laman perkongsian video (*video sharing site*) dilihat amat penting bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan video. Laman perkongsian video adalah perkhidmatan web yang membolehkan pengguna untuk memuat naik serta berkongsi video mereka dalam pelbagai cara seperti melalui emel, blog atau melalui rangkaian media sosial (Zhou, Baud & Bellot, 2013). Dari sudut pendidikan, kewujudan laman-laman ini telah memudahkan perkongsian video pembelajaran dilakukan, sekaligus dapat menyelesaikan masalah pemindahan dan penyimpanan video yang bersaiz besar. Antara contoh laman perkongsian video yang ada pada masa kini adalah seperti YouTube, Vevo dan Dailymotion.

Namun begitu, kewujudan pelbagai laman perkongsian video pada masa kini dilihat tidak khusus bagi tujuan pendidikan (Snelson, 2008). Laman-laman ini lebih dikenali sebagai media sosial yang mengandungi pelbagai kandungan video tidak tapis serta memudahkan pelajar mengakses video berunsur keganasan, kekejaman, hiburan, dan sebagainya (Buzzi, Buzzi & Leporini 2011; Patterson & Hargreaves, 2011). Kebimbangan pihak sekolah mahupun IPT terhadap penyebaran nilai atau budaya tidak sihat melalui laman perkongsian video ini telah menyebabkan ianya dihad dari diakses di dalam kawasan sekolah atau kampus (Snelson, 2008). Implikasinya, bahan pengajaran berasaskan video yang digunakan sebagai alat bantu mengajar juga sukar dipindahkan atau dikongsi dalam kalangan pelajar dan guru berkaitan.

Mengambil kira implikasi ini, adalah penting bagi pihak sekolah mahupun pihak Institusi Pengajian Tinggi menyediakan laman perkongsian video khusus berbentuk pendidikan bagi memudahkan perkongsian bahan pengajaran berasaskan video dilakukan dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar (Snelson, 2008; Cheng & Swanson, 2011). Penyediaan laman tersebut bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pemindahan dan penyimpanan video pembelajaran yang bersaiz besar (Milrad, Rossmannith & Scholz, 2005), sekaligus menghapuskan kebimbangan pihak guru dan ibubapa terhadap penggunaan laman perkongsian video tanpa tapisan yang berbentuk media sosial dalam kalangan pelajar. Laman perkongsian video berbentuk pendidikan juga dilihat mampu menyediakan keperluan dan persekitaran pembelajaran yang lebih fleksibel serta berupaya memberi manfaat yang maksimum untuk proses pembelajaran sendiri (Snelson, 2008; Cheng & Swanson, 2011; Milrad et al., 2005). Sehubungan itu adalah penting kajian dilakukan bagi menganalisis tingkah laku dan tahap penerimaan pelajar terhadap laman perkongsian video yang khusus untuk pendidikan.

TINJAUAN LITERATUR

LAMAN PERKONGSIAN VIDEO PENDIDIKAN


Menyedari akan kelemahan dan impak negatif penggunaan YouTube yang bersifat media sosial terbuka ke atas para pelajar, maka laman perkongsian video pendidikan (*educational video sharing site*) perlu diwujudkan untuk penggunaan yang lebih formal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Pembangunan laman perkongsian video berbentuk pendidikan dilihat amat penting kerana boleh menghindar dari gangguan kandungan video yang bukan bertujuan pendidikan semasa proses pembelajaran (Ahmad Zamzuri, 2013). Academic Earth (<http://academicearth.org>), Big Think (<http://bigthink.com>), Fora.tv (<http://fora.tv>), dan TED (<http://www.ted.com>) merupakan contoh-contoh laman perkongsian video pendidikan yang dibangunkan bagi tujuan pembelajaran yang lebih khusus pada masa kini (Snelson, 2011). Dengan kewujudan laman-laman ini, para pelajar dan guru boleh berkongsi video pembelajaran di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja sesuai dengan gaya pembelajaran moden masa kini (Lupshenyuk, Hocutt & Owston, 2011)

Secara amnya, laman perkongsian video pendidikan hanya membenarkan pengguna berdaftar yang terdiri dari pelajar, guru atau ibubapa sahaja, serta tidak membenarkan capaian video amatir yang bukan bertujuan pendidikan. Selain berkongsi video instruksi berkaitan topik pembelajaran tertentu dan video kuliah, tenaga pengajar turut boleh menyampaikan kuiz dan nota serta berkongsi maklumat berkaitan kelas dan peperiksaan melalui laman ini (Sherer & Shea, 2011). Justeru, penyediaan laman ini di sekolah mahupun institusi pendidikan adalah wajar bagi memudahkan pendidik dan pelajar berkongsi bahan pembelajaran berasaskan video secara lebih berkesan (Snelson, 2008; Cheng & Swanson, 2011). Didapati pelbagai bentuk laman perkongsian video pendidikan telah dibangunkan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran pelbagai cabang ilmu pendidikan seperti sains, matematik, Bahasa Inggeris, dan sebagainya. Oleh itu keperluan penggunaan laman perkongsian video pendidikan dilihat amat penting dan sesuai dengan corak serta gaya pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan media baru pada masa kini.

Berdasarkan fokus kajian ini, pembangunan laman perkongsian video pendidikan yang khusus bagi tujuan mempelajari tutorial perisian berbentuk *screencast* juga dilihat amat penting dibangunkan bagi kegunaan para pelajar, khususnya pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian berasaskan teknologi maklumat dan multimedia kerana pelajar-pelajar ini perlu mempelajari tutorial pelbagai perisian bagi menyiapkan tugas dan projek yang diberikan. Seperti yang telah dibincangkan dalam topik permasalahan kajian sebelum ini, kajian-kajian lampau mendapati pergantungan pelajar terhadap laman perkongsian video berbentuk media sosial seperti YouTube dalam aktiviti pembelajaran telah banyak meninggalkan kesan negatif terhadap fokus dan prestasi pembelajaran mereka (Rithika & Sara, 2013). Sehubungan itu, pembangunan laman perkongsian video pendidikan yang khusus bagi tujuan pembelajaran tutorial perisian seperti laman LearnSoftware ini adalah penting bagi memenuhi keperluan para pelajar tersebut. Bagi memastikan pembangunan laman ini benar-benar diguna pakai dan memberi manfaat kepada pelajar, maka kajian terhadap penerimaannya adalah penting dijalankan.

MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI (TAM)

Model TAM secara asasnya mengandungi dua konstruk utama iaitu tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna. Tanggapan kebergunaan merujuk kepada pengguna percaya dengan menggunakan teknologi atau sistem tersebut akan meningkatkan prestasi kerja. Manakala tanggapan mudah guna pula merujuk kepada pengguna percaya bahawa teknologi atau sistem tersebut dapat digunakan dengan mudah dan bebas dari masalah (Davis, 1989). Seterusnya model asas ini perlu dikembangkan lagi dengan memasukkan faktor luaran (*external variables*) yang sesuai dengan kajian yang dijalankan bagi pengukuhan dapatan (Zabukovsek & Bobek, 2000; Alenezi, 2011). Model asal TAM adalah seperti Rajah 1 di bawah.



RAJAH 1. Model TAM. Diadaptasi dari Davis, 1989

Bagi membina model penerimaan teknologi terhadap laman perkongsian video pendidikan dalam kajian ini, beberapa faktor luaran ditambah, sesuai dengan konteks kajian iaitu faktor psikologi, faktor sosial, faktor teknologi Dan faktor institusi (Zabukovsek & Bobek, 2000; Alenezi, 2011; Noraihan & Sobhi, 2013). Secara lebih spesifik bagi tujuan kajian ini , analisis faktor-faktor luaran tersebut akan dikaji tentang kesannya terhadap tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan dalam melihat penerimaan terhadap laman tersebut.

FAKTOR-FAKTOR LUARAN

FAKTOR PSIKOLOGI

Faktor psikologi merupakan faktor dalaman seseorang individu dalam membuat sesuatu keputusan. Dapatan dari kajian lampau mendapati faktor-faktor psikologi seperti keseronokan dan efikasi sendiri merupakan faktor luaran yang ditambah sebagai lanjutan model TAM dan telah meluas digunakan dalam mengkaji penerimaan dan penolakan sesuatu teknologi yang diperkenalkan khususnya berkaitan sistem yang dibangunkan bagi tujuan pendidikan (Park, 2009).

KESERONOKAN

Keseronokan dalam konteks penerimaan teknologi didefinisikan sebagai penghargaan yang diperolehi melalui penggunaan teknologi atau perkhidmatan yang dapat menunjukkan kepuasan pengguna (Igbaria, Majid, Parasuraman & Baraoudi, 1996). Manakala Heijden (2004) pula mendefinisikan keseronokan sebagai persepsi pengguna terhadap kegirangan yang dikecapi dari penggunaan sistem. Berdasarkan definisi tersebut, secara amnya, sekiranya pengguna merasa seronok dengan penggunaan sesuatu teknologi baru, maka sikap terhadap penggunaan teknologi tersebut adalah positif (Norazah & Norbayah, 2011). Bagi tujuan kajian ini, keseronokan merujuk kepada laman perkongsian video pendidikan yang memberi elemen keseronokan kepada pelajar apabila menggunakannya seterusnya pelajar menganggap laman ini mudah digunakan dan diterima pakai bagi tujuan pembelajaran.

EFIKASI KENDIRI

Menurut Bandura (1977), efikasi sendiri didefinisikan sebagai kepercayaan individu terhadap dirinya sendiri untuk menghasilkan sesuatu tugas atau tanggungjawab dengan baik dan berkesan. Di dalam kajian ini, faktor efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan seseorang pelajar terhadap diri sendiri dalam menggunakan laman perkongsian video LearnSoftware,

dimana pelajar yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan merasa yakin dengan kemampuan dirinya untuk menggunakan laman tersebut bagi tujuan pembelajaran tutorial perisian, seterusnya menganggap laman tersebut berguna dan mudah digunakan. Manakala pelajar yang memiliki efikasi sendiri yang rendah akan merasakan laman LearnSoftware adalah sukar digunakan dan tidak bermanfaat.

Faktor efikasi sendiri juga turut mempengaruhi tanggapan mudah guna sesuatu teknologi yang diperkenalkan, seperti yang dibincangkan dalam kajian Tabak dan Nguyen (2013) iaitu efikasi sendiri boleh menentukan tanggapan mudah guna pelajar dalam menggunakan persekitaran pembelajaran dalam talian. Fathema et al. (2015) telah menyiasat faktor-faktor laman pengurusan pembelajaran yang dibangunkan oleh sebuah fakulti samada diterima atau ditolak. Kajian tersebut mendapati bahawa faktor efikasi sendiri yang ditambah sebagai faktor luaran dalam model TAM merupakan salah satu penentu sistem tersebut diterima atau ditolak, di mana tenaga pengajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi terhadap diri sendiri akan yakin dengan kemampuan dirinya untuk menggunakan sistem tersebut dan menganggap sistem tersebut sangat berguna dan mudah digunakan, berbanding dengan tenaga pengajar yang memiliki efikasi sendiri yang rendah.

FAKTOR SOSIAL

Faktor sosial penting dalam mempengaruhi penerimaan dan penolakan sesuatu teknologi. Pengaruh sosial dikaitkan dengan perubahan perasaan, fikiran, sikap dan gelagat seseorang individu terhadap sesuatu keputusan hasil dari interaksi dengan individu atau sekumpulan individu yang lain (Kocaleva, Zdravev, & Stojanovic 2015). Dapatan kajian lampau mendapati pengaruh sosial boleh menentukan penerimaan dan penggunaan sesuatu teknologi (Venkatesh et. Al, 2003). Kajian penerimaan teknologi terhadap laman e-pembelajaran mendapati seseorang pelajar dipengaruhi oleh rakan-rakan, pensyarah, pihak institusi dan lain-lain pihak yang mereka percayai dalam membuat keputusan untuk menggunakan sistem tersebut (Lwoga & Komba, 2014). Pengaruh sosial ini juga turut memberi kesan positif terhadap penggunaan laman tersebut secara berterusan (Bakar, Razak & Abdullah, 2013)

NORMA SUBJEKTIF

Menurut Ajzen dan Fishbein (1975), norma subjektif adalah pengaruh orang sekeliling yang mempunyai kepentingan dalam kehidupan seseorang individu dalam mempengaruhi individu itu untuk membuat keputusan terhadap sesuatu gelagat. Bagi tujuan kajian ini, pensyarah dan rakan kelas merupakan individu di sekeliling pelajar yang dapat menentukan penerimaan atau penolakan pelajar dalam menggunakan laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware bagi tujuan pembelajaran.

Elkaseh, Wong dan Fung (2015) mendapati pengaruh sosial memberi kesan positif terhadap tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna seseorang pelajar terhadap laman e-pembelajaran. Guru juga tidak terkecuali dipengaruhi oleh faktor norma subjektif dalam menentukan tanggapan mereka terhadap manfaat sesuatu teknologi yang diperkenalkan kerana kajian mendapati pengaruh norma subjektif turut mempengaruhi guru untuk menggunakan sistem pengurusan pembelajaran (Smet, Bourgonjon & Wever, 2012).

IMEJ

Imej merupakan salah satu pengukur dalam penerimaan dan penggunaan sesuatu teknologi. Imej membawa maksud kepercayaan bahawa penggunaan sesuatu inovasi dapat meningkatkan imej atau status sosial seseorang (Ajzen & Fishbein, 1975). Dalam konteks penerimaan dan penggunaan sistem pembelajaran dalam talian, faktor imej boleh membawa maksud pelajar yang menggunakan sistem tersebut dilihat bijak dan berprestij.

Lu, Liu dan Liou (2005) mengaitkan faktor imej sebagai persepsi seseorang pelajar terhadap penggunaan sesuatu inovasi yang dihasilkan mampu meningkatkan status sosial mereka. Kajian beliau mendapati persepsi terhadap imej telah mendorong hasrat seseorang pelajar untuk menggunakan inovasi yang dihasilkan dalam kaedah pembelajaran pada masa kini, iaitu laman e-pembelajaran. Selain itu, Alenezi (2011) turut mengkaji faktor-faktor sosial dalam menentukan penerimaan pelajar terhadap laman e-pembelajaran dan mendapati hanya imej dan identiti sendiri sahaja yang menyumbang terhadap penerimaan pelajar terhadap laman e-pembelajaran.

FAKTOR TEKNOLOGI

Faktor teknologi dilihat amat penting dalam mengkaji penerimaan sesuatu teknologi yang dibangunkan. Hasil kajian lampau mendapati faktor-faktor teknologi seperti kualiti sistem, kualiti maklumat dan kualiti servis boleh menentukan penerimaan dan penolakan sesuatu sistem yang dibangunkan (Al-Busaidi & Al-Shihi, 2010). Bagi tujuan kajian ini, faktor-faktor teknologi seperti kualiti sistem dan ciri kandungan diambil kira dalam mengukur penerimaan pelajar terhadap laman perkongsian video LearnSoftware yang dibangunkan. Ciri-ciri seperti kualiti video *screencast* yang dihasilkan, kualiti rakaman suara, *loading speed* dan akses internet dikaji dalam menganalisis tingkah laku dan penerimaan pelajar terhadap laman tersebut. Ciri-ciri tersebut amat penting diambilkira dalam menentukan penerimaan dan penolakan pelajar dalam membuat keputusan terhadap penggunaan laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware.

KUALITI SISTEM

Faktor kualiti sistem telah meluas digunakan dalam membangunkan pelbagai lanjutan model yang mengkaji berkaitan kepuasan dan penerimaan pengguna terhadap sistem maklumat (Osang et. al, 2015). Kualiti sistem juga mempengaruhi tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna sesuatu sistem yang dibangunkan. Dalam konteks pembangunan sistem pembelajaran atas talian, ciri kualiti sistem yang sering di titik beratkan dalam mengkaji penerimaan pengguna adalah seperti sistem yang mudah digunakan, interaktif, antaramuka yang mesra pengguna serta maklumbalas yang cepat dari pentadbir sistem. Ciri-ciri ini dilihat dapat memberi kepuasan pengguna disamping mempengaruhi tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna pengguna terhadap laman tersebut (Lwoga, 2014). Shah, Bhatti, Iftikhar, Qureshi dan Zaman (2013) mendapati pelajar yang berada di bandar dan luar bandar merasakan sistem pembelajaran dalam talian adalah sangat berguna serta mudah digunakan sekiranya kualiti sistem yang ditampilkan adalah memuaskan. Kualiti sistem merupakan salah satu ciri infrastruktur yang penting dalam memastikan penggunaan sistem tersebut adalah berkesan.

CIRI KANDUNGAN

Ciri kandungan yang baik pada sesuatu teknologi yang dibangunkan akan mudah digunakan seterusnya dapat meningkatkan tahap kepuasan pengguna (Wu & Liu, 2013). Bagi tujuan kajian ini, ciri kandungan adalah merujuk kepada ciri-ciri video tutorial perisian berbentuk *screencast* yang dibangunkan. Audio dan video merupakan elemen asas yang diguna pakai dalam penghasilan video *screencast*. Penggunaan kedua-dua elemen multimedia ini beserta gaya persembahan video tutorial akan dilihat dalam menentukan pengaruh ciri kandungan ini terhadap penerimaan pelajar terhadap laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware.

Ciri dan reka bentuk kandungan banyak memberi kesan positif terhadap tanggapan mudah guna pelajar terhadap sistem pembelajaran dalam talian yang dibangunkan. Menurut Lee, Yoon dan Lee (2009), apabila pelajar merasakan kandungan yang terdapat dalam laman

pembelajaran dalam talian tersebut menarik dan bermanfaat, maka mereka akan menganggap laman pembelajaran tersebut mudah untuk digunakan.

FAKTOR INSTITUSI

Pembangunan sesuatu teknologi berkaitan persekitaran pembelajaran dalam talian di institusi secara amnya melibatkan sokongan pelbagai pihak seperti bahagian pentadbiran, akademik dan hal ehwal pelajar. Secara khususnya sumber kemudahan fasiliti dan sokongan secara teknikal adalah amat penting dalam menjamin kejayaan dalam penggunaan dan penerimaan sistem tersebut (Almarabeh, Mohammad, Yousef & Majdalawi, 2014; Yiong et al., 2008). Bagi tujuan kajian ini, kemudahan penyediaan prasarana fasiliti seperti penyediaan lab dengan akses internet serta penyediaan kemudahan *wifi* yang meluas dan baik merupakan pengaruh penting dalam menentukan penerimaan dan penolakan pelajar untuk menggunakan laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware bagi tujuan pembelajaran.

PENYEDIAAN KEMUDAHAN

Penyediaan kemudahan atau *Facilitating condition* didefinisikan sebagai tahap kepercayaan seseorang individu terhadap organisasi dan infrastruktur teknikal dalam menyokong penggunaan sesuatu sistem (Venkatesh et al., 2003). Bagi tujuan kajian ini, penyediaan kemudahan merujuk kepada kemudahan infrastruktur yang perlu disediakan oleh pihak institusi bagi menyokong persekitaran pembelajaran secara dalam talian melalui laman perkongsian video. Bagi menyokong dan menggalakkan para pelajar menggunakan laman perkongsian video LearnSoftware, penyediaan kemudahan infrastruktur Teknologi Maklumat yang lengkap oleh pihak institusi seperti penyediaan makmal komputer, kemudahan internet serta meluaskan rangkaian *wifi* di kampus adalah penting dalam menentukan kadar penggunaan laman tersebut. Selain itu internet berkelajuan tinggi juga perlu disediakan bagi melancarkan proses pembelajaran melalui laman perkongsian video LearnSoftware yang banyak melibatkan penggunaan elemen video.

SOKONGAN TEKNIKAL

Penyediaan sokongan teknikal bagi sesuatu pembangunan teknologi amat penting bagi memudahkan pihak pengguna yang berhadapan dengan masalah berkaitan sistem yang dibangunkan. Bagi laman pembelajaran secara dalam talian, sokongan teknikal biasanya adalah dari pentadbir laman web atau instruktur dan juga pusat Teknologi Maklumat (Tabak & Nguyen, 2013). Bagi pembangunan laman perkongsian video LearnSoftware, pentadbir laman web bertanggungjawab memberi sokongan teknikal kepada para pelajar yang menggunakan laman ini bagi tujuan pembelajaran pelbagai tutorial perisian *screencast* yang disediakan. Manakala pusat Teknologi Maklumat di institusi pula bertanggungjawab dalam menyediakan bantuan teknikal dari segi kelancaran akses internet dan penyelenggaraan perkakasan komputer.

Sokongan teknikal yang disediakan di sesebuah institusi samada sokongan dari fakulti, tutor dan pentadbir laman web memberi kesan langsung terhadap motivasi dan kepuasan pengguna (Bekele, 2010). Menurut Tabak dan Nguyen (2013), apabila sokongan teknikal yang cekap dan pantas disediakan oleh pihak pentadbir laman web, maka pengguna akan menganggap laman tersebut sangat berguna serta mudah digunakan dalam meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran secara dalam talian. Kajian oleh Arteaga Sanchez, Duarte Heuros dan Garcia Ordaz (2013) mendapati bahawa sokongan teknikal yang diberikan kepada pelajar terhadap platform pembelajaran dalam talian seperti Moodle memberi kesan positif terhadap tanggapan kebergunaan dan kemudahgunaan platform tersebut bagi tujuan pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan. Instrumen kajian adalah menggunakan soal selidik yang dibina berpandukan soal selidik kajian lampau yang telah menggunakan model TAM dalam kajian-kajian berkaitan penerimaan media baru, e-learning, media sosial dan bidang pendidikan. Struktur soal selidik adalah seperti Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Struktur Soal Selidik

Bahagian	Pemboleh Ubah	Jumlah Soalan	
A (Demografi)	Umur	1	
	Jantina	1	
	Nama Universiti	1	
	Program pengajian	1	
	Semester	1	
	Kemudahan akses internet	1	
	Penggunaan laman perkongsian video	1	
	Tujuan guna laman perkongsian video	1	
	Penggunaan laman perkongsian video bagi tujuan pembelajaran tutorial perisian <i>screencast</i>	1	
	Penyediaan laman perkongsian video pendidikan di Universiti	1	
			3
	B (Konstruk TAM)	Tanggapan Kebergunaan	3
		Tanggapan mudah guna	3
Sikap terhadap penggunaan		3	
Hasrat bertingkah laku		2	
C (Faktor Psikologi)	Keseronokan	2	
	Efikasi sendiri	2	
(Faktor Sosial)	Norma subjektif	2	
	Imej	2	
(Faktor Teknologi)	Kualiti sistem	2	
	Ciri kandungan	2	
(Faktor Institusi)	Penyediaan kemudahan	2	
	Sokongan teknikal	2	

Subjek kajian adalah pelajar yang sedang mengikuti pengajian program Ijazah Sarjana Muda Multimedia (major atau minor) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pelajar tersebut dipilih berdasarkan keperluan kajian yang memerlukan subjek kajian menggunakan laman perkongsian video untuk mempelajari tutorial-tutorial perisian multimedia. Populasi kajian adalah 20 buah IPTA di seluruh Malaysia yang telah dikenalpasti menawarkan Program Multimedia (major dan minor).

Daripada jumlah populasi tersebut, 5 buah IPTA telah bersetuju untuk bekerjasama dalam kajian ini iaitu, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi zon utara, Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi zon tengah, serta Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) bagi zon selatan. Jumlah populasi kajian adalah seperti Jadual 2 seperti yang diperolehi daripada bahagian

pentadbiran Universiti masing-masing. Kajian ini menggunakan prosedur persampelan kebarangkalian kerana subjek kajian dan sampel mempunyai kesemua ciri populasi kajian (Chua, 2014).

JADUAL 2. Jumlah populasi kajian beserta pecahan lelaki dan perempuan


Universiti	Populasi	Lelaki	Perempuan
1. Universiti Utara Malaysia (UUM)	395	115	280
2. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	114	48	46
3. Universiti Putra Malaysia (UPM)	151	44	107
4. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	466	147	323
5. Universiti teknikal Malaysia Melaka UTEM)	234	61	173
JUMLAH POPULASI	1260	415	929

Berdasarkan populasi seramai 1260 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian program Ijazah Sarjana Muda Multimedia (major dan minor) di 5 buah IPTA tersebut, sebanyak 294 orang pelajar telah diambil sebagai sampel kajian seperti jadual 3 berikut:

JADUAL 3. Jumlah saiz sampel kajian

IPTA	Sampel
1. Universiti Utara Malaysia (UUM)	51
2. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	60
3. Universiti Putra Malaysia (UPM)	43
4. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	80
5. Universiti teknikal Malaysia Melaka UTEM)	60
JUMLAH SAMPEL	294

PERSOALAN KAJIAN DAN HIPOTESIS



RAJAH 2. Model kajian

PERSOALAN KAJIAN

Rajah 2 menunjukkan persoalan-persoalan kajian iaitu adakah faktor-faktor seperti psikologi, sosial, teknologi dan institusi mempunyai hubungan pengaruh yang signifikan terhadap tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware?

HIPOTESIS KAJIAN

- Ha¹:** Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor psikologi dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan Learnsoftware.
- Ha²:** Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor sosial dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware.
- Ha³:** Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor teknologi dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware.
- Ha⁴ :** Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor institusi dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

JADUAL 4. Pekali regresi pembolehubah tidak bersandar

Model	Pekali	Pekali tidak piawai		Pekali piawai	t	Bermakna
		B	Std. Error	Beta		
1	(Pemalar)	1.69	0.19		9.14	0.00
	Faktor_Teknologi	0.60	0.05	0.60	12.86	0.00
2	(Pemalar)	1.23	0.20		6.22	0.00
	Faktor_Teknologi	0.44	0.05	0.45	8.26	0.00
	Faktor_Psikologi	0.29	0.05	0.28	5.16	0.00
3	(Pemalar)	1.19	0.21		5.80	0.00
	Faktor_Teknologi	0.48	0.05	0.44	8.07	0.00
	Faktor_Psikologi	0.26	0.06	0.26	4.40	0.00
	Faktor_Sosial	0.05	0.05	0.05	0.92	0.36
4	(Pemalar)	1.14	0.21		5.44	0.00
	Faktor_Teknologi	0.42	0.06	0.42	7.24	0.00*
	Faktor_Psikologi	0.25	0.06	0.24	4.20	0.00*
	Faktor_Sosial	0.04	0.05	0.03	0.71	0.48
	Faktor_Institusi	0.06	0.06	0.06	1.05	0.30

a. Pembolehubah bersandar. Tggpn_Mudah Guna*p < 0.5

Jadual 4 menunjukkan dua pekali regresi piawai pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor teknologi ($\beta=0.42$, $t=7.24$, $p<0.05$) dan faktor psikologi ($\beta=0.24$, $t=4.20$, $p<0.05$) adalah signifikan dan merupakan faktor kepada tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan, manakala faktor sosial dan faktor institusi adalah tidak signifikan pada aras nilai $p > 0.05$.

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa secara signifikan, dua pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor teknologi ($\beta=0.42$, $t=7.24$, $p<0.05$) dan psikologi ($\beta=0.24$, $t=4.20$, $p<0.05$) merupakan faktor kepada tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan. Kedua-dua faktor tersebut menyumbang sebanyak 42% ($r=0.65$) perubahan varians dalam tanggapan mudah guna [F (4, 288)= 52.08, $p<0.05$]. Hasil analisis menunjukkan bahawa secara signifikan, faktor teknologi ($\beta=0.60$, $t=12.86$, $p<0.05$) sendiri menyumbang sebanyak 36% ($r=0.60$) perubahan varians dalam tanggapan kebergunaan [F (1,291)=165.30, $p<0.05$]. Kombinasi kedua-dua pembolehubah faktor teknologi ($\beta=0.45$, $t=8.26$, $p<0.05$) dan psikologi ($\beta=0.28$, $t=5.16$, $p<0.05$) pula menyumbang sebanyak 42%


($r=0.65$) perubahan varians dalam tanggapan kebergunaan [$F(2,290)=103.21, p<.05$]. Kesimpulannya, keputusan hipotesis adalah seperti Jadual 5.

JADUAL 5. Keputusan hipotesis Ha^9, Ha^{10}, Ha^{11} dan Ha^{12}

Bil	Hipotesis	Keputusan
Ha^9	Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor psikologi dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan.	terima
Ha^{10}	Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor sosial dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan	tolak
Ha^{11}	Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor teknologi dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan	terima
Ha^{12}	Terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor institusi dengan tanggapan mudah guna laman perkongsian video pendidikan.	tolak

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian berkaitan tingkah laku dan penerimaan teknologi dalam penyelidikan ini adalah berpandukan teori sikap dan tingkah laku seperti Teori Tindakan Bersebab dan Teori Tindakan Terancang, serta Model Penerimaan Teknologi atau TAM. Penggunaan teori-teori serta model ini adalah bertepatan dengan keperluan kajian yang menjalankan penyelidikan terhadap tingkah laku dan penerimaan terhadap laman perkongsian video pendidikan berfokus di kalangan pelajar. Implikasi dari sudut pengetahuan bagi kajian ini adalah pembinaan model baru hasil dari lanjutan yang dilakukan terhadap model asal TAM. Dalam model asal TAM, Davis (1989) telah meletakkan faktor-faktor seperti tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah guna, sikap serta tingkah laku sebagai faktor yang menyumbang terhadap penerimaan sesuatu teknologi. Kajian ini telah menambah beberapa faktor lain atau disebut sebagai faktor luaran seperti faktor psikologi, sosial, teknologi dan institusi ke dalam model asal, bersesuaian dengan kajian terhadap penerimaan laman perkongsian video pendidikan berfokus. Lanjutan dari model asal TAM ini telah menghasilkan satu model baru yang dinamakan Model Penerimaan Laman Perkongsian Video Pendidikan Berfokus seperti Rajah 3 di bawah.



RAJAH 3. Model Penerimaan Laman Perkongsian Video Pendidikan Berfokus.

Model penerimaan laman perkongsian video pendidikan berfokus di atas mendapati faktor psikologi (keseronokan dan efikasi sendiri) dan faktor teknologi (kualiti sistem dan ciri kandungan) mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap tanggapan mudah guna pelajar terhadap laman perkongsian video pendidikan Learnsoftware, manakala faktor sosial (norma subjektif dan imej) dan faktor institusi (penyediaan kemudahan dan sokongan teknikal) tidak mempengaruhi tanggapan mudah guna pelajar terhadap laman LearnSoftware. Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dijalankan, tanggapan mudah guna didefinisikan sebagai kepercayaan pengguna bahawa teknologi atau sistem yang diperkenalkan dapat digunakan dengan mudah dan bebas dari masalah (Davis, 1989). Ini bermaksud, persoalan kajian ini ingin melihat adakah faktor-faktor luaran yang dinyatakan (psikologi, sosial, eknologi dan institusi) mendorong subjek kajian (pelajar-pelajar program multimedia) untuk menganggap laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware mudah digunakan.

Dapatan kajian menunjukkan faktor psikologi seperti efikasi sendiri dan keseronokan mendorong pelajar untuk menganggap laman perkongsian video pendidikan mudah digunakan. Ini kerana keinginan yang kuat untuk menggunakan laman tersebut dalam diri seseorang pelajar, ditambah pula dengan perasaan seronok dalam melayari laman perkongsian video tersebut bagi tujuan pembelajaran tutorial perisian telah menjadikan laman tersebut mudah digunakan. Selain itu faktor teknologi seperti kualiti sistem dan ciri kandungan juga mendorong pelajar untuk menganggap laman perkongsian video pendidikan LearnSoftware mudah digunakan. Ini kerana laman ini mudah diakses, kelajuan capaian video adalah memuaskan, serta kandungan video yang disediakan menarik untuk dipelajari dan bermanfaat untuk pengajian mereka.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan faktor sosial dan faktor institusi tidak mempengaruhi pelajar untuk menganggap laman perkongsian video pendidikan ini mudah digunakan. Faktor sosial seperti norma subjektif, iaitu pengaruh orang-orang di sekeliling pelajar seperti rakan kuliah dan pensyarah hanyalah individu-individu yang mempengaruhi pelajar tersebut untuk bertindak samada menerima atau menolak penggunaan laman tersebut, namun hanya diri pelajar itu sendiri yang akan merasakan laman tersebut mudah atau sukar digunakan kerana ia melibatkan skil dan pengetahuan pelajar itu sendiri untuk menggunakan laman tersebut. Begitu juga dengan faktor imej, kerana imej seseorang pelajar tidak menentukan samada laman perkongsian video pendidikan tersebut mudah digunakan kerana imej hanya melibatkan penampilan luaran seseorang individu. Bagi faktor institusi pula, kajian mendapati faktor-faktor seperti penyediaan kemudahan dan sokongan teknikal tidak mempengaruhi pelajar untuk menganggap laman tersebut mudah digunakan. Ini kerana gaya pembelajaran masa kini membolehkan pelajar melayari laman LearnSoftware di mana-mana sahaja termasuk di luar kampus. Ini bermaksud, penyediaan kemudahan dan sokongan teknikal dari pihak institusi tidak penting untuk mereka merasakan laman ini mudah digunakan. Walaupun tiada kemudahan-kemudahan disediakan oleh pihak institusi, pelajar masih menganggap laman tersebut mudah digunakan.

Dapatan-dapatan kajian yang telah dibincangkan ini juga didapati konsisten dan disokong oleh banyak kajian-kajian lampau yang turut menunjukkan faktor-faktor seperti psikologi dan teknologi adalah signifikan terhadap tanggapan mudah guna individu dalam menggunakan laman-laman web berasaskan pendidikan seperti *e-learning* (Lee & Mendlinger, 2011) dan laman pendidikan (Lee, Yoon & Lee, 2009). Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan faktor sosial dan faktor institusi tidak mempengaruhi tanggapan mudah guna, namun terdapat kajian lampau yang mendapati faktor sosial mempengaruhi pelajar untuk menganggap sesebuah laman pendidikan tersebut mudah digunakan (Farahat, 2012). Selain itu, kajian terdahulu juga turut menemui bahawa faktor institusi seperti penyediaan kemudahan infrastruktur teknologi maklumat dan sokongan teknikal juga menyumbang terhadap tanggapan mudah guna sesebuah laman pendidikan yang dibangunkan. Kajian oleh Vidanagama (2016) menemui bahawa pelajar menganggap penyediaan kemudahan seperti

peralatan makmal komputer, internet dan sebagainya menjadikan laman pembelajaran yang dibangunkan oleh pihak universiti lebih mudah digunakan.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini memberi implikasi terhadap model penerimaan teknologi, iaitu membina lanjutan model penerimaan teknologi yang dinamakan model penerimaan laman perkongsian video pendidikan berfokus seperti Rajah 3 di bawah, serta memberi implikasi dari sudut praktikal kepada pihak institusi dan pembangun laman perkongsian video pendidikan dalam mempraktikkan penyediaan laman perkongsian video pendidikan berfokus yang menepati kehendak pelajar. Selain itu, penyediaan laman perkongsian video pendidikan berfokus yang mudah digunakan juga memberi manfaat kepada pihak pelajar, tenaga pengajar serta pihak institusi pendidikan itu sendiri. Akhir sekali, kajian ini sekaligus menyumbang terhadap pengetahuan am berkaitan tingkah laku seseorang individu dalam membuat keputusan untuk menerima atau menolak sesuatu teknologi baru yang diperkenalkan.

RUJUKAN

- Ahmad Zamzuri, M. A. 2013. Open source video management system (VMS) for open education : A comparison study. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 14(3), 33–41.
- Ajzen, I & Fishbein, M. 1975. Belief, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research. *Journal of Leisure Research*, 21(4), 114–137.
- Alenezi, A.R. 2011. *An adoption of the TAM model to determine factors affecting students' acceptance of e-learning in institutions of higher education in Saudi Arabia*. (Unpublished Doctoral Dissertation). Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Almarabeh, T, Mohammad, H., Yousef, R. & Majdalawi, Y.K.2014. The University of Jordan e-learning platform: State, students' acceptance and challenges. *Journal of Software and Application*, 7(12), 999-1007.
- Al-Busaidi, K.A. & Al-Shihi, H. 2010. *Instructors' acceptance of learning management systems: A theoretical framework*. <http://ibimapublishing.com/articles/CIBIMA/2010/862128/862128.pdf>. (1 Ogos 2018)
- Bakar, A. A., Razak, F. Z. A., & Abdullah, W. S. W. 2013. Assessing the Effects of UTAUT and Self-Determination Predictor on Students Continuance Intention to Use Student Portal. *World Applied Sciences Journal*, 21(10), 1484-1489.
- Bandura, A. 1977. Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.
- Bekele, T.A.2010.Motivation and satisfaction in internet-supported learning environments: A review . *Educational Technology and Society*, 13(2), 116-127
- Buzzi, M. C., Buzzi, M. & Leporini, B. 2011. *Web 2.0: Twitter and the blind*. Paper presented the 9th ACM SIGCHI Italian Chapter International Conference on Computer-Human Interaction, Italy. <http://dl.acm.org/citation.cfm?id=2037333>. (15 Jun 2014).
- Cheng, J. & Swanson, J. 2011. An examination of the effects of Web-based tutorials on accounting student learning outcomes. *Review of Higher Education and Self-Learning*, 3(10), 14-28.
- Davis, F.D (1989). *Perceived usefulness, perceived ease of use and user acceptance of Information Technology*.<https://pdfs.semanticscholar.org/3969/e582e68e418a2b79c604cd35d5d81de9b35d.pdf>
- Elkaseh, A.M., Wong, K.W. & Fung, C.C 2015.The acceptance of e-learning as a tool for teaching and learning. *International Journal Of Information Technology*,3(4), 1-11.
- Fathema, N., Shannon, D. & Ross, M.2015. Expanding the technology acceptance model (TAM) to examine faculty use of Learning Management System (LMS) in higher education institution. *Journal of Online Learning and Teaching*, 11(2), 210-223.
- Heijden, V.D. (2004). User acceptance of hedonic information systems. *MIS Quarterly*, 12(28), 695-704.
- Igbaria, Magid, Parasuraman, S. & Baroudi, J.1996. A motivational model of microcomputer usage. *Journal of Management Information Systems*, 13(1), 127-143.
- Kocaleva, M., Zdravev, Z. & Stojanovic, I. 2015. Model of e-learning acceptance and use for teaching

- staff in Higher education institutions. *International Journal Mod. Educ. Comput. Sci.* 7(4), 23-31.
- Lee, B-Y, Yoon, J-O, & Lee, I., 2009. Learners acceptance of e-learning in South Korea: Theory and results. *Computers and Education*, 53(4), 1320-1329
- Lupshenyuk, D., Hocutt, M. & Owston, R. 2011. Web video project as an instructional strategy in teacher education. *Proceedings of Society for Information Technology & Teacher Education International Conference 2011* (pp. 984–991). Chesapeake VA : AACE.
- Lwoga, E.T.2014.Critical success factors for adoption of web-based learning management systems in Tanzania. *International Journal of education and Development Using Information and Communication Technology (IJEDICT)*, 10(1), 4-21.
- Milrad, M., Rossmanith, P., & Scholz, M. 2005. Implementing an educational digital video library using MPEG-4 , SMIL and web technologies. *Educational Technology and Society* 8(4), 120–127.
- Noraihan, M., & Mohd Sobhi I., 2013. *Pengaruh faktor organisasi dan faktor teknologi terhadap penerimaan media sosial sebagai medium pemasaran penginapan bajet* . https://www.researchgate.net/publication/262070874_Pengaruh_Faktor_Organisasi_dan_Faktor_Teknologi_Terhadap_Penerimaan_Media_Sosial_Sebagai_Medium_Pemasaran_Penginapan_Bajet
- Norazah, M.S. & Norbayah, M.S 2011. Exploring the relationship between perceived usefulness, perceived ease of use, perceived enjoyment, attitude and subscribers' intention towards using 3G mobile services. *Journal of Information Technology Management*, 22(1), 1-7.
- Osang, F.B, Abinwi, N. & Tsuma, C. 2015.Reviewing information system usage and performance models.*International Journal of Computer Science and Information Technologies*, 6(1), 478-484.
- Patterson, J., & Hargreaves, C. 2011. *Automated identification and reconstruction of You Tube video access*. Retrieved from <https://dspace.lib.cranfield.ac.uk/bitstream/1826/8082/1/Automated%20Identification%20and%20Reconstruction%20of%20YouTube%20Video%20Access%20-%20Final.pdf> (1 Ogos 2018)
- Park, S. Y. 2009. An analysis of the technology acceptance model in understanding university students' behavioral intention to use e-learning. *Educational Technology & Society*, 12 (3), 150–162
- Rithika, M, & Sara, S. 2013. Impact of social media on student's academic performance. *International Journal of Logistics & Supply Chain Management Perspectives*, 2(4), 636-640
- Shah, G.U.D., Bhatti, M.N., Iftikhar, M., Qureshi, M.I. & Zaman, K. 2013. Implementation of Technology Acceptance Model in e-learning environment in rural and urban areas of Pakistan. *World Applied Sciences Journal* 27(11), 1495-1507.
- Sherer, P., & Shea, T. 2011. Using online video to support student learning and engagement. *College Teaching*, 59(2), 56-59.
- Smet, C.D., Bourgonjon, J., Wever, B.D., Schellens, T. & Valcke, M. 2012. Researching instructional use and the technology acceptance of learning management systems by secondary school teachers. *Journal of Computer and Education*, 58(2), 688-696.
- Snelson, C. 2008. *Web-based video in education: possibilities and pitfalls*. Paper presented at TCC Worldwide Online Conference 2008, Hawaii. <https://www.learntechlib.org/p/43828> .
- Tabak, F. & Nguyen, N.T. 2013.Technology Acceptance and performance in online learning environments: Impact of self-regulation. *Journal of Online Learning and Teaching*, 9(1), 118-130.
- Venkatesh, V., Morris, M.G., Davis, G.B., and Davis, F.D. 2003.User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS Quarterly*, 27 (3). 425-478.
- Wu, J. & Liu, W. 2013. An empirical of the critical factors affecting student's satisfaction in EFL blended learning. *Journal of Language, Teaching and Research*, 4(1),176-185.
- Zhou, N., Baud, L., & Bellot, P. 2013. Video sharing websites study. Computing and Communication Technologies, Research, Innovation, and Vision for the Future (RIVF). *Proceedings of the 2013 IEEE RIVF International Conference*, (pp.64 – 69). Paris, France: IEEE.
- Zabukovsek, S.S., & Bobek, S. 2013. TAM-based external factors related to ERP solutions acceptance in organizations. *International Journal of Information Systems and Project Management*, 1(4), 25-38.

Sazanah Md Ali,
Fakulti Sains Dan Teknologi Maklumat
Kolej Universiti Islam Selangor,
Bandar Seri Putra,
43000, Kajang, Selangor
sazanah@kuis.edu.my

Ahmad Zamzuri Mohamad Ali
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri kreatif,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, 35900, Perak
Malaysia
zamzuri@fskik.upsi.edu.my

Received: 4 October 2018
Accepted: 12 December 2018
Published: 11 April 2019